

U B356 AAB
MAHATHIR - PELAJARAN R R R
(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS 10.30 MALAM INI, 9 JULAI.)

KUALA LUMPUR, 9 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI BERKATA BAHAWA MALAYSIA MERUPAKAN SATU-SATUNYA NEGARA DI DUNIA YANG MEMBERI TEMPAT KEPADA SEKOLAH CINA.

NEGARA LAIN TIDAK MEMBERINYA TEMPAT SAMA SEKALI, KATA PERDANA MENTERI DALAM RANCANGAN ISU SEMASA YANG DISIARKAN OLEH RTM.

+MEREKA TIDAK MEMBENARKAN SAMA SEKALI PELAJARAN BAHASA CINA WALAUPUN PENDUDUK CINA RAMAI DI NEGARA ITU,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PINDAAN KEPADA AKTA PELAJARAN IALAH SECARA MENYELURUH UNTUK KEBAIKAN SISTEM PENDIDIKAN NEGARA PADA MASA AKAN DATANG DAN INI TIDAK MENJEJASKAN HAK KAUM-KAUM YANG ADA DI MALAYSIA.

BELIAU BERKATA, APA YANG HARUS DIINGAT IALAH YANG BERASA TIDAK PUAS HATI DENGAN PINDAAN ITU BUKAN SAHAJA TERDIRI DARIPADA MASYARAKAT CINA TETAPI JUGA MASYARAKAT MELAYU. -- LAGI.

1430MST 09 07 90

U B357 AAB
MAHATHIR - PELAJARAN 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO) R R R

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN BELUM MELULUSKAN PINDAAN ITU PADA PERSIDANGAN PARLIMEN YANG BARU LEPAS, UNTUK MEMBERI MASA DAN PELUANG KEPADA SEMUA PIHAK MENELITI PERUNTUKAN DALAM PINDAAN ITU.

BAGAIMANAPUN KATANYA= +KALAU HENDAK BERGANTUNG KEPADA PENDAPAT ORANG RAMAI, MAKA TIDAK ADA SATU PENDAPAT YANG SAMA, JADI PADA SATU KETIKA KERAJAAN MESTI MEMBUAT KEPUTUSAN.+

KALAU DISERAHKAN KEPADA ORANG RAMAI, MEREKA TIDAK AKAN MENCAPAI PERSETUJUAN SAMA SEKALI DAN KERAJAAN TIDAK DAPAT MEMBUAT APA-APA, KATANYA DAN MENAMBAH +BAHKAN KITA TIDAK DAPAT MEMINDA SAMA SEKALI UNDANG-UNDANG YANG ADA, BERMAKNA PERUNTUKAN YANG TIDAK DIINGINI OLEH MASYARAKAT CINA ITU JUGA TIDAK DAPAT DIGUGURKAN.+

KETIKA DITANYA TENTANG KEBIMBANGAN YANG DISUARAKAN OLEH KALANGAN MASYARAKAT CINA KONONNYA PERUNTUKAN BARU NANTI MUNGKIN MENGHADKAN KUASA LEMBAGA PENGURUS SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA TIDAK PATUT ADA SALAH FAHAM TENTANG NIAT KERAJAAN. KUASA MEREKA MENENTUKAN SUPAYA CORAK SEKOLAH BERKENAAN KEKAL SEBAGAI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TIDAK TERJEJAS.

+KALAU KERAJAAN BERNIAT UNTUK MENUKAR CORAK SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN, SUDAH LAMA KITA BERBUAT DEMIKIAN KERANA KITA MEMPUNYAI PERUNTUKAN UNTUK MENUKAR, TETAPI KITA TIDAK BERBUAT DEMIKIAN,+ KATANYA. -- LAGI.

1432MST 09 07 90

D808

U B358 AAB
MAHATHIR - PELAJARAN 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO) R R R

INI MENUNJUKKAN BETAPA KERAJAAN TIDAK MENGGUNAKAN KUASA DENGAN SEWENANG-WENANGNYA, TAMBAHAN PULA PERUNTUKAN ITU AKAN DIHAPUSKAN. HANYA YANG DIJELASKAN IALAH TUGAS, TANGGUNGJAWAB DAN PERANAAN LEMBAGA SEKOLAH ITU.

KATANYA, KALAU LEMBAGA ITU LEMBAGA SEKOLAH YANG BEBAS, SEPERTI SEKOLAH MENENGAH CINA, MEREKA BOLEH MENENTUKAN YANG URUSAN SEKOLAH SAHAJA MASIH BERADA DI BAWAH SISTEM PELAJARAN KERANA SEKOLAH ITU DIBIAYAI SENDIRI.

TETAPI DI SEKOLAH-SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN YANG DIBIAYAI SEPENUHNYA OLEH KERAJAAN +MAKA ANEH SEKALI KALAU LEMBAGA SEKOLAH MEMPUNYAI KUASA UNTUK MENENTUKAN SEGALA URUSAN SEKOLAH ITU,+ KATANYA.

SEBAB ITU KERAJAAN HENDAK MELIHAT SUPAYA DISAMAKAN LEMBAGA SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN DENGAN LEMBAGA SEKOLAH KEBANGSAAN YANG LAIN, KATA BELIAU DAN MENAMBAH= +ITU SAHAJA YANG KITA TENTUKAN. JADI APA SEBABNYA MEREKA HARUS BERASA TAKUT. TIDAK ADA (SEBAB).+

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN MEMBERI JAMINAN CORAK SEKOLAH BERKENAAN AKAN KEKAL DAN KERAJAAN TIDAK BERNIAT UNTUK MENIMBULKAN KESUKARAN KEPADANYA.

KUASA MEREKA MEMANG TERHAD KERANA WANG ITU WANG KERAJAAN, TAMBAHNYA. -- LAGI.
1435MST 09 07 90

D809

U B359 AAB
MAHATHIR - PELAJARAN 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO) R R R

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BAGAIMANAPUN ORANG POLITIK UMPAMANYA CUBA Mencari SESUATU PERKARA YANG BOLEH MENIMBULKAN KERAGUAAN DI KALANGAN ORANG RAMAI, BAGI KEPENTINGAN POLITIK SEMATA-MATA.

KALAU DILIHAT REKOD KERAJAAN, IA TIDAK PERNAH MEMBUAT SESUATU YANG MENUNJUKKAN BAHAWA IA TIDAK IKHLAS, KATANYA DAN MENAMBAH, WALAUPUN ADA PERUNTUKAN YANG MEMBERI KUASA KEPADA KERAJAAN UNTUK MENUKAR SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN PUN, IA TIDAK BERBUAT DEMIKIAN.

+KENAPA SEKARANG INI SETELAH KITA HAPUSKAN KUASA ITU, MASIH LAGI ADA KERAGUAN?. INI YANG MENJADI MASALAH,+ KATANYA. -- BERNAMA.
1436MST 09 07 90